

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: CEDI
Sent: Rabu, 20 September 2017 5:04 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Dr. Abd. Rahim b. Jaguli; Jauriyah bt. Shamsuddin
Subject: SISWAPRENEUR SHOWCASE



**Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi**
CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE
Universiti Utara Malaysia

20 SEPTEMBER 2017 / 29 ZULHIJJA 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلامة على محمد وآله وصحبه وسلم

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

SISWAPRENEUR SHOWCASE PENTAS UNTUK USAHAWAN SISWA UUM
MENGETENGAHKAN DAN MEMPERKENALKAN PRODUK KEPADA MASYARAKAT



CEDI ONLINE: Bagi menyediakan landasan dan platform yang betul kepada usahawan mahasiswa UUM untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan perniagaan mereka kepada masyarakat, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) telah menghantar penyertaan pelajar UUM ke *Siswapreneur Showcase 2017 Siri 4/2017* yang diadakan di Mydin Mall, Bukit Mertajam.

Program *Siswapreneur Showcase* merupakan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu pentas bagi mahasiswa didedahkan dengan dunia keusahawanan komersil. Ia berlangsung selama tiga (3) hari, 15 hingga 17 September 2017 bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia terlibat dalam program ini antaranya Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti teknologi Mara, Politeknik dan Management & Science University (MSU), Pulau Pinang.

Pelbagai aktiviti diadakan antaranya *game challenge*, *siswapreneur pitching*, *product showcase* dan macam-macam lagi.

Seramai 12 orang usahawan siswa UUM telah terpilih untuk menyertai program ini melibatkan empat (4) jenis perniagaan iaitu Sintokyo Sushi (sushi), Shunna Victory (kosmetik dan kesihatan), Jeruk, dan Tifakhadeeja Enterprise (sabun pelbagai guna).

Salah seorang peserta UUM, Siti Norliana Binti Noordin daripada Sintokyo Sushi berkata sangat bertuah kerana berpeluang mengikuti program ini dan akan menggunakannya sebaik mungkin dalam mengetengah dan memperkenalkan produk yang mereka bangunkan sendiri kepada orang ramai. Menurutnya juga, ini merupakan pengalaman pertama mereka membuat pameran dan jualan di pusat membeli-belah seperti ini. Mereka menampilkan produk berasaskan makanan Jepun iaitu 'Sushi' yang diinovasikan sesuai dengan selera masyarakat Malaysia.

Hadir sama dalam program ini, Dr. Mohd Najib Mansor, Pengarah Eksekutif CEDI dan Dr. Abd Rahim Jaguli, Timbalan Pengarah CEDI.

Tamat.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my

 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.